

ANCAMAN MENINGGALKAN SOLAT

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَأَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Marilah kita bersama-sama bertaqwa kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan sebenar-benar taqwa, iaitu dengan melaksanakan segala perintah dan seruan serta meninggalkan segala larangan-Nya kerana dengan taqwa sahajalah kita akan mendapat reda Allah Subhanahu wa Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Perintah mendirikan solat disebut berulang-ulang kali dalam al-Quran bagi menunjukkan bahawa melaksanakannya adalah suatu tuntutan yang amat besar dan meninggalkannya adalah dosa yang amat besar. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah Taha ayat 14:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنِّي أَنَا اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدْنِي وَأَقِمِ الصَّلَاةَ لِذِكْرِي ﴿١٤﴾

Yang bermaksud: *Sesungguhnya Aku lah Allah, tiada Tuhan melainkan Aku, oleh itu, sembahlah Aku, dan dirikanlah solat untuk mengingati-Ku.*

Agama Islam itu sendiri terbina berasaskan lima perkara utama. Antaranya ialah perintah mendirikan solat. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi:

رَأْسُ الْأَمْرِ الْإِسْلَامُ وَعَمُودُهُ الصَّلَاةُ وَذِرْوَةُ سَنَامِهِ الْجِهَادُ

Yang bermaksud: *Asas urusan (agama) itu adalah Islam, tiangnya adalah solat dan puncak ketinggiannya adalah jihad.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Sejak akhir-akhir ini didapati ramai orang Islam yang mengabaikan solat fardhu. Bahkan tidak sedikit daripada kalangan mereka yang berani meninggalkannya dengan sengaja dan terang-terangan. Kadangkala hanyalah disebabkan oleh perkara yang kecil seperti bersukan, sibuk bekerja, membeli belah di pusat-pusat jualan atau dengan alasan terlalu letih.

Pelbagai ancaman keras dijanjikan kepada orang yang meninggalkan solat. Antaranya ialah:

Boleh dihukumkan kafir sekiranya dia menafikan kewajipan solat. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi.

الْعَهْدُ الَّذِي بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمُ الصَّلَاةُ فَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ كَفَرَ

Yang bermaksud: *Perjanjian yang ada antara kami dengan mereka (orang kafir) adalah solat. Maka barangsiapa yang meninggalkannya maka dia telah kafir.*

Dosa meninggalkan solat juga akan menyebabkan seseorang itu dimasukkan ke dalam neraka. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Muddaththir ayat 42 hingga 43.

مَا سَلَكَكُمْ فِي سَقَرٍ ﴿٤٢﴾ قَالُوا لَمْ نَكُ مِنَ الْمُصَلِّينَ ﴿٤٣﴾

Yang bermaksud: (Setelah melihat orang yang berdosa itu, mereka berkata): "Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam (Neraka) Saqar?" Orang yang berdosa itu mereka menjawab, "Kami dahulunya tidak termasuk dalam kumpulan orang yang mengerjakan solat."

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Orang yang meninggalkan solat juga turut diancam bahawa mereka akan disiksa dengan dikumpulkan bersama Qarun, Firaun, Haman dan Ubay bin Khalaf. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda melalui hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad:

مَنْ حَافِظَ عَلَيْهَا كَانَتْ لَهُ نُورًا وَبُرْهَانًا وَنَجَاةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ. وَمَنْ لَمْ يُحَافِظْ عَلَيْهَا لَمْ يَكُنْ لَهُ نُورٌ وَلَا بُرْهَانٌ وَلَا نَجَاةٌ. وَكَانَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَعَ قَارُونَ وَفِرْعَوْنَ وَهَامَانَ وَأَبِي بَنِي حَلَفٍ.

Yang bermaksud: *Barangsiapa yang menjaganya (solat fardhu) maka dia akan memperoleh cahaya dan bukti yang nyata serta keselamatan pada hari kiamat. Dan barangsiapa yang tidak menjaganya, maka tiada baginya cahaya dan bukti yang nyata serta keselamatan. Dan adalah dia pada hari kiamat (dikumpulkan) bersama Qarun, Firaun, Haman dan Ubay bin Khalaf.*

Orang yang meninggalkan solat jiwanya selalu gelisah dan tidak tenang. Manakala orang yang melaksanakan solat jiwanya akan sentiasa tenteram dan damai. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Ma'arij ayat 19 hingga 23:

إِنَّ الْإِنْسَانَ خُلِقَ هَلُوعًا ﴿١٩﴾ إِذَا مَسَّهُ الشَّرُّ جَزُوعًا ﴿٢٠﴾ وَإِذَا مَسَّهُ الْخَيْرُ مَنُوعًا ﴿٢١﴾
إِلَّا الْمُصَلِّينَ ﴿٢٢﴾ الَّذِينَ هُمْ عَلَى صَلَاتِهِمْ دَائِمُونَ ﴿٢٣﴾

Yang bermaksud: *Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah (lagi bakhil kedekut). Apabila dia ditimpa kesusahan, dia sangat resah gelisah. Dan apabila dia beroleh kesenangan, dia sangat bakhil. Kecuali orang yang mengerjakan solat. Iaitu mereka yang tetap mengerjakan solat mereka.*

Lebih mendukacitakan kita ialah, kedatangan juga umat Islam hari ini yang jarang malah ada yang tidak pernah mendirikan solat Jumaat sedangkan orang yang meninggalkannya dengan sengaja tanpa keuzuran atau dengan sebab bermalas-malasan, akan di tutup hatinya daripada menerima kebenaran dan digolongkan dalam kalangan orang yang lalai. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

لَيَنْتَهِيَنَّ أَقْوَامٌ عَنْ وَدْعِهِمُ الْجُمُعَاتِ أَوْ لَيَخْتِمَنَّ اللَّهُ عَلَى قُلُوبِهِمْ ثُمَّ لَيَكُونَنَّ مِنَ الْغَافِلِينَ

Yang bermaksud: *“Janganlah sekali-kali suatu kaum meninggalkan beberapa solat Jumaat atau Allah Subhanahu wa-Taala akan menutup hati mereka kemudian mereka menjadi sebahagian daripada orang yang lalai.*

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Marilah kita mencontohi umat Islam di negara Turki yang menzahirkan kecintaan mereka kepada agama Islam. Ribuan orang hadir menunaikan solat lima waktu secara berjemaah di masjid khususnya solat subuh, padahal sebelumnya mereka begitu bangga dengan pegangan sekular, sepatutnya sikap sedemikianlah yang perlu kita teladani.

Oleh itu, menjadi tanggungjawab kita semua, sama ada diperingkat keluarga, masyarakat dan pemerintah untuk mempertingkatkan lagi usaha dan galakan agar setiap

ahli keluarga kita, masyarakat dan umat Islam seluruhnya sentiasa mendirikan solat dengan istiqamah dan tidak mengabaikannya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا

Yang bermaksud: *Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan solat dan hendaklah engkau bersabar menunaikannya.*

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.